

**Visi Dan Halatuju Penyelidikan dan Perkhidmatan Kaunseling
(Seting Pendidikan) Di Malaysia**

Profesor Dr. Khadijah Rohani Yunus
Sapora Sipon

Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim

Pengenalan

Dalam konteks penyelidikan dan perkhidmatan kaunseling (B&K) terutamanya dalam seting pendidikan di Malaysia, ia perlu mempunyai visi dan hala tuju yang jelas. Kini, semakin disedari dan diakui bahawa sudah tiba masanya untuk menempatkan aktiviti penyelidikan dan perkhidmatan kaunseling sebagai unsur penting ke arah mencapai matlamat perkhidmatan kaunseling dan mutu pendidikan yang berkualiti tinggi. Budaya penyelidikan kaunseling dalam bidang pendidikan merupakan salah satu wahana penyelesaian masalah pendidikan serta menjadi paksi pemikiran setiap individu yang terlibat dalam bidang ini. (Wan Mohd Zahid, 1993). Kemantapan penyelidikan dan perkhidmatan kaunseling akan meningkatkan mutu kecemerlangan pendidikan selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN), Rukun Negara dan Wawasan 2020

Penyelidikan dan perkhidmatan kaunseling, walaupun merupakan dua entiti yang berbeza, kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain dan saling lengkap melengkap. Muhd Mansur Abdullah

(1994) menjelaskan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling harus dinilai keberkesanan dan kemajuannya. Beliau seterusnya menjelaskan bagaimana canggihnya sesuatu program perkhidmatan, ia perlu dinilai secara kuantitatif dan sistematik. Dalam usaha menentukan keberkesanan sesuatu perkhidmatan dan membolehkan sesuatu perkhidmatan diperbaiki dan diubahsuai, penilaian dan penyelidikan perlu dijalankan dari masa ke semasa untuk melihat kemajuan, pencapaian dan masalah yang dihadapi. Oleh itu, dalam membicarakan visi dan halatuju penyelidikan dan perkhidmatan kaunseling, terutamanya dalam seting pendidikan, adalah amat penting untuk melihat kedua-dua aspek ini sebagai satu yang mempunyai perkaitan dan saling memerlukan antara satu sama lain *ibarat irama dan lagu, andainya dipisahkan, rosaklah irama, pincanglah lagu*

Memandangkan tajuk yang perlu dikupas adalah luas dan melibatkan dua isu penting iaitu penyelidikan dan perkhidmatan dalam bimbingan dan kaunseling dalam konteks pendidikan, penulis akan membincangkan kertas kerja ini berdasarkan sub-topik dalam usaha memudahkan perbincangan. Penulis akan memulakan perbincangan dengan melihat senario penyelidikan dan perkhidmatan pendidikan di seting pendidikan. Sehubungan itu, penulis akan meninjau keperluan penyelidikan dan perkhidmatan dalam konteks pendidikan. Permasalahan yang wujud dalam bidang penyelidikan dan perkhidmatan akan dibincangkan dalam usaha melihat faktor-faktor yang menghalang kelancaran halatuju penyelidikan dan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Selari dengan tajuk kertas ini, iaitu melihat visi dan halatuju penyelidikan dan perkhidmatan dalam bimbingan dan kaunseling dalam seting pendidikan, penulis akan memberikan beberapa cadangan dan syor dalam usaha memastikan penyelidikan dan perkhidmatan dalam bimbingan dan kaunseling dalam konteks pendidikan berjalan dengan lancar.

Senario Penyelidikan dalam Kaunseling (seting pendidikan) Di Malaysia

Penyelidikan telah lama dikenali sebagai satu daripada fungsi yang perlu dilaksanakan oleh mereka yang terlibat dalam bidang B&K. Kajian tentang permintaan bidang pekerjaan, faktor-faktor sosiologi, psikologi, antropologi dan lain-lain semuanya bermakna dalam memberikan data-data dalam usaha kaunselor melaksanakan tugasnya dengan lebih berkesan lagi. Diantara tujuan penyelidikan dan penilaian dalam kaunseling ialah untuk mendapatkan maklumat yang penting. Kejayaan sesuatu program harus berdasarkan penggunaan maklumat. Jangkaan atau pandangan subjektif individu boleh diterima, tetapi tidak boleh dijadikan asas utama untuk merangka program atau aktiviti. Data-data berbentuk objektif adalah diperlukan untuk memulakan sesuatu perancangan yang boleh membawa kepada kejayaan sesuatu program.

Pentingnya kajian berterusan mengenai perkhidmatan B&K dalam bidang pendidikan dijalankan di Malaysia memang diakui ramai kerana perkembangan profesion kaunseling haruslah berpandukan kepada asas teori dan data empirikal. Di Malaysia, beberapa kajian telah dilakukan dalam menilai perkhidmatan kaunseling walaupun usaha ini belum mencapai tahap yang memuaskan dan perlu diteruskan dari masa ke semasa. Suradi Salim, contohnya, telah menjalankan kajian mengenai perlaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah menengah di Malaysia yang telah dijalankan pada akhir tahun 1992. Kajian beliau melibatkan hampir kesemua sekolah menengah di Malaysia. Hasil dapatan kajian beliau menunjukkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, walaupun telah dilaksanakan, masih lagi menghadapi beberapa

halangan dalam memastikan keberkesanan perkhidmatan tersebut. Mohd Zain Abdul Kader (1994) pula telah membincangkan keperluan-keperluan pelajar terhadap perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di institusi pengajian tinggi menurut pengalaman beliau sendiri dan hasil-hasil kajian yang telah dilakukan mengenai perkara yang sama.

Satu kajian yang signifikan dan perlu diperkatakan dalam kertas kerja ini apabila membincangkan mengenai penyelidikan dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di seting pendidikan ialah kajian yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pendidikan Kaunselor Lembaga Kaunselor yang Pertama. Kajian ini dilakukan dalam usaha melihat gambaran mengenai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Malaysia, khususnya aspek sejarah, institusi latihan dan pendidikan, profesionalisme bidang kaunseling dan perundangan. Secara umumnya, ia mengkaji akan latihan dan pendidikan kaunselor di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia.

Selain daripada kajian-kajian di atas, kajian-kajian lain yang berfokus kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di seting pendidikan ialah kajian-kajian Roslan Said (1978), Mohd Hisa Tahat (1980), Awang Mat Ali (1978), Sapora Sipon (1999), Shiratuddin (1982), MAGOVA (1987), Zulkifli Yusuf (1990), Aminah Haji Hashim (1987). Kajian-kajian tempatan lain yang juga cuba melihat apakah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di seting pendidikan terutama di sekolah benar-benar diperlukan ialah seperti kajian-kajian Ahmad Shakir (1975), Rahmat Jusoh (1983), Noriza Hussin (1987), Zulkifli Ismail (1983) dimana mereka melihat persepsi pelajar terhadap kaunselor dan perkhidmatan kaunseling, pandangan dan persepsi pelajar, guru, pentadbir dan juga ibu bapa terhadap perkhidmatan B&K di sekolah-sekolah menengah. Kajian-kajian mereka memfokus kepada pengakuan subjek kajian tentang penting dan perlu perkhidmatan kaunseling itu ada di sekolah-sekolah terutama sekali di sekolah menengah. Kajian-

yang wajar bekerja keras dan memajukan diri untuk membuktikan kewibawaan dan kecemerlangan menjalankan penyelidikan. Whiteley (1967) pernah berkata; .

Respect cannot be requested; it cannot be demanded; and it cannot be legislated. Respect is earned, and it is earned by demonstrating competency in mastering the problems in one's own field.

Sebelum penulis membincangkan apakah halangan-halangan yang menghambat kelancaran penyelidikan dalam bidang kaunseling di seting pendidikan, penulis akan membicarakan mengenai keperluan-keperluan penyelidikan bimbingan dan kaunseling dalam seting pendidikan.

Faktor-Faktor Keperluan Penyelidikan B&K Dalam Bidang Pendidikan

Kepentingan penyelidikan kaunseling dalam bidang pendidikan tidak boleh dipandang ringan dan perlu mempunyai visi yang jelas dan terarah. Ini dipersetujui oleh, McLeod (1994) yang mencadangkan agar penyelidikan kaunseling dalam bidang pendidikan perlu dipertingkatkan dalam usaha mencemerlangkan pendidikan dan meningkatkan kewibawaan dan akauntabiliti dalam bidang ini. Walker (1985) berpendapat penyelidikan adalah komponen utama dalam latihan psikologi kaunseling. Antara faktor-faktor yang dikira memainkan peranan dalam menyumbang kepada keperluan penyelidikan kaunseling dalam seting pendidikan ialah keperluan penilaian kepada perkhidmatan, masalah gejala sosial yang berleluasa, mempertingkatkan akauntabiliti perkhidmatan kaunseling, memperolehi idea dan pendekatan baru dalam bidang kaunseling, memperkembangkan dan mempertingkatkan tahap keprofesioanlisme pengamal dalam bidang B&K ini.

kajian Arapan Kolenthai (1982), Rahmat Jusoh (1983), Mohd Mansor (1983), Siti Norhayati (1984), Leong Kwai Ying (1985) dan Cheang Sau Heng (1988) juga bertujuan melihat persepsi dan sikap di kalangan pelajar, guru, kaunselor, ibu bapa dan pentadbir sekolah terhadap keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Ketiadaan alat-alat kajian yang sesuai untuk mengukur minat dan kebolehan pelajar telah mendorong Maznah Ismail dan Kim Phaik Lik (1984) untuk melakukan satu kajian mengenai alat-alat ujian/pengukuran dalam kaunseling. Walaupun kajian ini merupakan satu usaha perintis yang perlu dilanjutkan dengan usaha yang lebih menyeluruh, kajian ini boleh membuka mata dan minda bidang penyelidikan dalam bidang pendidikan.

Walaupun usaha giat dijalankan untuk memajukan bidang penyelidikan di negara ini, jumlah dan mutu penyelidikan dalam B&K masih lagi jauh terkebelakang jika dibandingkan dengan negara-negara maju khususnya di Amerika dan Eropah. Sungguhpun pengamal bidang bimbingan dan kaunseling dalam seting pendidikan perlu memberi perhatian yang serius dalam bidang penyelidikan, terdapat bukti yang menunjukkan mereka kurang berminat menjalankan penyelidikan. Ini diakui oleh Abdul Halim Othman (2000) yang mengatakan penyelidikan dalam perkhidmatan B&K masih di peringkat bayi. Penulisan dalam konteks ujian dan pengukuran pula masih di tahap yang rendah, walaupun bidang B&K banyak menggunakan ujian-ujian psikologi. Pederson (1984) pernah mencadangkan bahawa pengesahan ujian-ujian psikologi dan kaedah penyelidikan dalam konteks Malaysia amat perlu jika pelajar-pelajar menggunakan ujian-ujian penyelidikan, kerana usaha ini boleh membantu memeribumikan kerelavanan psikologi secara amalan, di samping meningkatkan kemanafatan bidang psikologi di Malaysia.

Sekiranya bidang kaunseling ini ingin dihormati oleh disiplin-disiplin ilmu lain, maka mereka yang terlibat dalam bidang inilah

-Perlunya penilaian kepada perkhidmatan kaunseling

Perkhidmatan kaunseling harus dinilai keberkesanan dan kemajuannya. Tanpa membuat penilaian ke atas sesuatu perkhidmatan, kemajuan dan keberkesanan sesuatu program tidak dapat dipastikan. Stufflebeam (1971) menjelaskan peranan utama penilaian adalah untuk membekalkan maklumat yang membolehkan para kaunselor memperbaiki dan menyempurnakan lagi sesuatu program atau perkhidmatan itu. Jelasnya, penilaian adalah penting dalam memastikan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan.

-Masalah Sosial

Keperluan penyelidikan dalam bidang kaunseling penting dalam era negara mengalami masalah kemerosotan nilai-nilai murni terutama di kalangan remaja. Dewasa ini, banyak masalah disiplin yang melanda remaja terutama sekali pelajar-pelajar sekolah. Selain daripada masalah peyalahgunaan dadah, masalah-masalah sosial yang lain seperti lepak, bohsia, seks di luar perkahwinan dan HIV/AIDS merupakan masalah-masalah yang semakin berleluasa berlaku di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Di antara tahun 1990 hingga 1996, sejumlah 4,045 remaja lelaki dan 166 remaja perempuan di antara umur 13 hingga 16 tahun didapati telah melakukan kesalahan juvenile. (New Straits Times, 1998), Suradi Salim (1993) menjelaskan masalah keruntuhan moral di kalangan pelajar memerlukan perhatian yang serius dan satu perancangan yang teliti haruslah dilakukan oleh pihak sekolah dalam menangani masalah ini. Tidak dapat dinafikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling melalui kaunselor sekolah dikatakan dapat membantu mengurangkan masalah keruntuhan moral dan disiplin di kalangan pelajar.

Perkhidmatan kaunseling yang ingin dilaksanakan oleh kaunselor perlu berlandaskan maklumat yang tepat mengenai sesuatu isu. Bertitik tolak dari penyelidikan di mana kaunselor boleh merencanakan sesuatu program atau intervensi. Data-data yang berbentuk objektif adalah diperlukan untuk memulakan sesuatu perancangan dan menentukan keberhasilan sesuatu program. Maklumat yang tepat dan objektif amat diperlukan dalam usaha kaunselor atau pengamal terapi ingin merencanakan intervensi seperti intervensi pencegahan dadah, intervensi pendidikan seks, intervensi bimbingan dan kerjaya dan seterusnya. Kaunselor sekolah dapat memainkan peranan penting dalam menangani masalah disiplin atau keruntuhan moral pelajar. Kaunselor boleh melakukan tugas ini sama ada secara terus dengan pelajar yang bermasalah melalui penyelidikan perbincangan atau melalui penganjuran program-program bersama-sama dengan mereka yang berkait rapat dengan golongan pelajar-pelajar umpamanya ibu bapa, guru dan pihak pentadbir. (Sapora Sipon, 2000).

Dalam kehidupan bersosial, universiti adalah sebahagian daripada tempat terjalinnya interaksi sosial pelbagai kelompok. Perbezaan dari segi umur, latar belakang kaum, bangsa dan kepercayaan merupakan penyumbang utama kepada kelpelbagaian di menara gading tersebut. Fenomena ini merupakan faktor yang menyebabkan pelbagai permasalahan dihadapi oleh pelajar-pelajar universiti. Di antara permasalahan yang biasa terdapat di universiti ialah orientasi sosial/fizikal kampus, konflik sosial, masalah pengurusan diri dan kewangan, masalah akademik. Seorang pelajar yang pertama kali menjejakkan kaki ke pusat pengajian tinggi akan melalui proses penyesuaian. Proses ini melibatkan pengadaptasian diri pelajar baru dalam persekitaran yang mungkin berbeza daripada lingkungan kawasan pelajar itu berada sebelumnya. Perbezaan yang berlainan dari pelbagai sudut seperti geografi, infrastruktur, budaya, persekitaran sosial adalah antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya masalah penyesuaian.

Banyak penyelidikan yang telah dilakukan di negara ini dalam usaha melihat masalah penyesuaian di kalangan pelajar universiti. Kajian-kajian Yunus Mohd Noor (1984), Hamidah Husin (1988), Sapora Sipon dan Chua Bee Seok (1998) antara lainnya cuba meninjau apakah faktor-faktor yang mempengaruhi masalah penyesuaian pelajar di universiti. Sementara itu, Wan Abdul Kader Wan Ahmad (1994) telah menjalankan kajian yang berbentuk intervensi kaunseling kelompok ke atas sekumpulan pelajar yang menghadapi masalah penyesuaian diri. Kajian-kajian yang berbentuk kuantitatif mahupun kualitatif jelasnya merupakan satu usaha ke arah penyelesaian masalah.

Rohaty Mohd Majzub (2000) melihat keperluan perkhidmatan kaunseling dan penyelidikan yang berterusan dijalankan ke atas kanak-kanak dan remaja cemerlang. Feldhusen dalam Rohaty Mohd Majzub (2000) mendapati remaja cemerlang memerlukan pelan perkembangan diri untuk memadankan keperluan dengan perkhidmatan yang ada di sekolah dan komuniti. Beliau seterusnya mencadangkan strategi untuk memenuhi keperluan remaja cemerlang dan berbakat. Antara strategi yang dicadangkan menyentuh aspek kaunseling dan amalan pendidikan di sekolah-sekolah menengah. Dalam melaksanakan perkhidmatan kaunseling, kaunselor perlu menjalankan tugas seperti;

-Akauntabiliti

Bidang kaunseling mampu menjana sumber kewangan dari pihak swasta. Bagaimanapun, bidang ini perlu membuktikan kepentingan dan kecekapan serta mampu menawarkan perkhidmatan terbaik. Yang jelasnya, bukti secara kukuh diperlukan terlebih dahulu dalam usaha menunjukkan kesahihan sesuatu fakta atau permasalahan. Tanpa bukti-bukti yang kukuh dan sahih, masyarakat masih kurang

yakin dan ragu-ragu akan kewujudan satu permasalahan. Keberkesanan perkhidmatan kaunseling akan juga teruji tanpa adanya pengumpulan data-data yang bersifat objektif. Adalah tidak menghairankan sekiranya masyarakat masih kurang yakin akan perkhidmatan B&K jika ia hanya didasari oleh jangkaan dan pandangan yang bersifat subjektif. Tanpa penggunaan maklumat yang objektif dan jitu, Watkins & Schneider (1991) menjelaskan akauntabiliti perkhidmatan kaunseling boleh dipertikaikan Yang lebih utama ialah bukti secara kukuh diperlukan terlebih dahulu. Justeru itu, sekiranya B&K ini ingin mendapat nama yang baik serta ingin dihormati oleh disiplin-disiplin lain dan berterusan memperolehi sumber kewangan, penyelidikan yang sistematik dan mempunyai nilai akauntabiliti sangatlah diperlukan.

-Memperolehi idea dan pendekatan baru.

Bidang kaunseling adalah satu profesion yang agak baru terutama sekali di negara ini. Perkembangan dalam teori, inovasi dan teknik sentiasa berlaku. Kini terdapat berbagai pendekatan dan teknik dalam kaunseling yang berlaku hasil daripada inovasi yang sentiasa dilakukan oleh pengamal dan seterusnya dinilai oleh pengkaji. Dalam usaha menyemarakkan dan memperkembangkan idea dan pendekatan baru, penyelidikan perlu dijalankan. Ini perlu dilakukan jikalau disiplin ilmu ini ingin bergerak setaraf dengan bidang-bidang disiplin ilmu yang lain.

-Aplikasi kaunseling dalam bidang-bidang lain

Sejak kebelakangan ini, perkembangan dalam teknik-teknik baru dalam kaunseling telah menyumbang kepada penubuhan /pembentukan bidang-bidang baru dalam kaunseling. Terdapat perkembangan yang signifikan dalam bidang kaunseling organisasi, kesihatan, trauma, bencana dan bidang-bidang lain yang berkaitan. Kepentingan dan

kerelevanan pembentukan cabang-cabang baru ini memerlukan penyelidikan yang berterusan.

-Perkembangan peribadi dan profesional.

Salah satu sumber utama kepuasan kerja yang dialami oleh kebanyakan kaunselor adalah pembelajaran yang berterusan mengenai kejadian manusia dan daya tindak kepada kehidupan klien. Penyelidikan penting kepada kaunselor kerana ia boleh menyumbang /membentuk kesahihan profesion tersebut serta memberi kredibiliti kepada profesion. Wujudnya kredibiliti dalam bidang ini jelasnya akan mempertingkatkan tahap keprofesionalisme serta meningkatkan perkembangan peribadi dan profesional. Hansenfeld (1992) menjelaskan semua bentuk kebajikan atau perkhidmatan membantu menolong mesti dilihat sebagai satu bidang yang sah bukan sahaja oleh klien tetapi juga sebagai pengubal dasar sama seperti perkhidmatan membantu yang lain seperti bidang perubatan, psikologi klinikal, pengajaran dan kerja sosial dalam penyelidikan bimbingan dan kaunseling. Terdapat jangkaan bahawa ahli-ahli dalam profesion kaunseling akan dapat menawarkan satu intervensi yang baik melalui penyelidikannya.

Isu-Isu Dalam Penyelidikan Kaunseling (Seting Pendidikan) Di Malaysia

Walaupun, ramai pihak yang menyedari akan kepentingan dan keperluan penyelidikan dalam perkembangan ilmu dan peningkatan keprofesionalisme dalam bidang B&K ini, ahli-ahli dalam bidang ini masih lagi dilihat kurang berminat melakukan penyelidikan. Penyelidikan masih dilihat sebagai satu faktor komponen sampingan yang dianggap remeh dalam bidang ini. Beberapa faktor telah wujud yang menghambat kelancaran perjalanan penyelidikan B&K terutama dalam bidang pendidikan.

-Kurangnya peruntukan

Kekurangan penyelidikan yang dilakukan dalam bidang kaunseling di seting pendidikan sememang wujud, antaranya di institusi pengajian tinggi. Ini diakui oleh Laporan Kajian Pendidikan dan latihan Kaunselor institusi pengajian tinggi awam Malaysia yang mendapati penyelidikan yang berfokus kepada kaunseling per se agak kurang. Akibatnya, pengamal dan pengajar kaunseling sentiasa merujuk kepada data luar negeri. Kajian tersebut juga mendapati wujudnya kesukaran menjalankan penyelidikan dalam bidang kaunseling kerana kajian-kajian berbentuk ujikaji dan klinikal. Antara faktor yang dilihat sebagai penyumbang kepada perkara ini ialah terdapat kurangnya peruntukan untuk kajian-kajian berkaitan kaunseling di universiti dan dari pihak luar.

-Konflik antara peranan ahli terapi dan penyelidik

Seorang ahli terapi mempunyai tanggungjawab menentukan kebajikan kliennya manakala seorang penyelidik pula bertanggungjawab dalam pengumpulan data dan membuat sumbangan kepada pengetahuan dan pemahaman berdasarkan data yang dikumpulnya. Walaupun peranan ini saling berhubung antara satu sama lain, pada masa yang sama ia juga bercanggah dan memaksa seorang pengamal dalam bidang ini berada dalam konflik. Isu etika yang perlu dijaga oleh pengamal bidang ini seperti ialah isu kerahsiaan, pengelakan bahaya kepada sampel dan prosedur untuk mengatasi kesusahan yang disebabkan kepada ahli juga perlu diambilkira. Penyelidik perlu mengambilkira faktor-faktor ini dalam melaksanakan kajian tanpa memberi kesan yang membahayakan kepada subjek kajian. Satu strategi penting untuk mengatasi masalah ini ialah dengan mengambilkira pandangan semua yang terlibat seperti klien, kaunselor, penemuduga, pemerhati dan sebagainya.

-Sikap pengamal Bimbingan & Kaunseling

Wheeler & Hicks (1996) menjelaskan terdapat andaian yang mengatakan kaunseling tidak boleh diukur atau difahami oleh sebarang metodologi penyelidikan dengan alasan kaunseling adalah satu proses yang kompleks. Kajian yang berbentuk kuantitatif pula dilihat sebagai anti etikal kepada nilai-nilai pemusatan insan dan dinamik kaunseling. Dan yang lebih menakutkan ialah ia memberi kesan yang mendalam kepada falsafah terapeutik kemanusiaan. Akibatnya, hanya sedikit sahaja kaunselor/pengamal dalam bidang ini yang berminat untuk menjadi penyelidik. Selain daripada sebab di atas, terdapat banyak sebab mengapa kaunselor sangat keberatan untuk melibatkan diri dalam projek penyelidikan. Antara sebabnya ialah berkaitan dengan latihan kaunselor di mana kelas-kelas penyelidikan sering menekankan masalah penyelidikan bukannya aspek-aspek positif dalam melaksanakan penyelidikan.

-Dual relationship.

Ahli terapi dan klien yang mempunyai hubungan secara *dual relationship* mungkin menghadapi kesukaran dalam sesi kaunseling. Klien mahupun kaunselor tidak akan bersifat ikhlas/jujur/tulen dalam sesi tersebut dan akan berusaha untuk memihak kepada pihak yang satu lagi. Satu lagi masalah yang mungkin dihadapi oleh kaunselor ialah mendapatkan *informed consent* dari pihak klien. Kaunselor juga mendapati agak sukar untuk membabitkan klien dalam penyelidikan tersebut. Klien mungkin menarik diri apabila mengetahui dirinya ingin dilibatkan dalam sesi kaunseling.

-Penulisan

Terdapat banyak penyelidikan kaunseling yang menarik dan berkesan yang tidak pernah diterbitkan atau disebar kerana penylidik tersebut tidak berupaya untuk menulis. Kebanyakan pelajar dalam latihan pendidikan kaunselor boleh menulis karangan atau esei dengan baik tetapi menghadapi masalah apabila menulis kajian penyelidikan mereka. Antara sebabnya ialah mereka kurang pengalaman dalam membuat penyelidikan. Menulis hasil penyelidikan bukanlah sesuatu yang mudah. Pelbagai jenis maklumat diperlukan seperti teknikal, deskriptif, analitikal mestilah dicampurkan. Pengetahuan baru perlu diperkenalkan dan diterangkan kepada pembaca. Tahap kepakaran dan kebijaksanaan diperlukan dalam menjalankan kajian. Masalah ini ditambah pula dengan kebanyakan penyelidikan terutamanya di kolej dan juga universiti dilakukan secara berasingan. Penyelidikan akan mendapati dirinya keseorangan membuat penyelidikan. Penulisan penyelidikan mengandungi berbagai kemahiran dan boleh diperolehi melalui latihan, percubaan *trial and error*, pengamatan dan perundingan dengan orang lain.

Senario Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling (Seting Pendidikan) Di Malaysia

Sebaliknya, dalam membincangkan perkhidmatan kaunseling dalam seting pendidikan, ia merupakan bidang yang paling besar menyumbang kepada kepesatan perkhidmatan kaunseling jika dibandingkan dengan kaunseling dalam seting yang lain. Dokumentasi secara formal membuktikan bahawa perkhidmatan kaunseling bermula pada tahun 1964 melalui perlaksanaan Pekeliling Kementerian Pendidikan KP5209/35/9 (4). Seterusnya perkhidmatan kaunseling telah menyaksikan kewujudan institusi latihan kaunseling sejajar dengan perkembangan pesat tuntutan masyarakat. Kepentingan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah jelas terbukti dengan perlantikan sekolah sepenuh masa pada tahun 1996. Perlantikan tersebut jelas adalah satu usaha

murni Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mewujudkan pelajar yang seimbang, berjiwa besar dan waja, berwawasan dan berketrampilan. Perlantikan ini adalah juga untuk memenuhi keperluan pihak sekolah dan pelajar supaya perkhidmatan dan kemahiran kaunselor dapat dimenafaatkan secara optimum untuk perkembangan dan pembangunan pelajar.

Di luar konteks Kementerian Pendidikan, terdapat sekolah menengah yang ditadbir oleh badan-badan berkanun seperti MARA. Shamsiah Yahaya (2000) menjelaskan bahawa perkhidmatan kaunseling di Maktab Rendah Sains MARA memberi tumpuan kepada membimbing dan mempertingkatkan pertumbuhan dan perkembangan pelajar. Selain daripada itu, kemunculan institusi pengajian tinggi yang menawarkan latihan kaunselor jelas menunjukkan keseriusan pihak tertentu dalam mempertingkatkan kewibawaan profesion kaunseling ini.

Dalam membicarakan visi dan halatuju perkhidmatan kaunseling dalam seting pendidikan, adalah sesuatu yang dirasakan perlu untuk membincangkan seting-seting penting di bidang pendidikan seperti seting sekolah, seting institusi pengajian tinggi terutamanya di institusi pengajian awam dan juga latihan kaunselor di institusi pendidikan tinggi awam. Kewajaran membincangkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah adalah kerana seting sekolah merupakan seting terbesar bagi perkhidmatan kaunseling di mana bilangan kaunselor sekolah menyumbang kepada hampir keseluruhan jumlah bilangan kaunselor di negara ini. (Laporan Kajian Pendidikan dan Latihan Kaunselor Institusi Pendidikan Tinggi Awam Malaysia, 2000) Sementara itu, keperluan membincangkan isu pendidikan latihan kaunselor kerana Institusi latihan pendidikan kaunselor bukan sahaja membekalkan jumlah tenaga kaunselor, ia juga bertanggungjawab menyediakan pakej penyediaan latihan kaunselor yang tinggi mutunya terutamanya di seting pendidikan. Di negara ini, tanggungjawab melatih bakal kaunselor banyak terletak di bahu institusi

pengajian tinggi di samping organisasi-organisasi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan.

Menyedari kepentingan institusi latihan pendidikan kaunselor di IPTA, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Malaysia telah memberi tanggungjawab kepada Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pendidikan Kaunselor Lembaga Kaunselor yang pertama yang diketuai oleh Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Abdul Halim Othman untuk mengadakan kajian tentang latihan dan pendidikan kaunselor di IPTA. Kajian tersebut dilakukan atas kesedaran bahawa latihan kaunseling di Malaysia menunjukkan ia belum berupaya melahirkan bentuk latihan kaunseling yang benar-benar mantap, walaupun usaha ke arah itu giat dijalankan. Kewujudan program persediaan kaunselor yang tidak dirancang rapi oleh institusi latihan serta tidak dikawal oleh sebuah badan yang dipertanggungjawabkan menyebabkan wujudnya perbezaan dari segi kurikulum pengajaran, pemilihan calon, syarat minimum kelayakan dan taraf kelayakan pensyarah.

Tinjauan terhadap latihan dan pendidikan kaunselor di institusi pengajian tinggi di Malaysia menunjukkan perkembangan yang mengalakkan dari segi bilangannya. Latihan kaunseling muncul dalam pelbagai bentuk seperti latihan dalam perkhidmatan, latihan guru-guru khas, latihan di peringkat pertama, diploma, sarjana dan doktor Falsafah. Universiti Malaya mempelopori pengajian dalam bidang B&K dalam tahun 1970 diikuti oleh UKM pada tahun 1973. Universiti Putra Malaysia pula menawarkan program Bachelor Pendidikan pada tahun 1981. Universiti-universiti lain yang menawarkan latihan penyediaan kaunselor adalah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Kolej Terengganu (UKT), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia sarawak (Unimas).

Salah satu usaha memantapkan perkhidmatan B&K di negara ini ialah melalui latihan penyediaan kaunselor yang bermutu tinggi. Dalam membentuk visi dan hala tuju yang jelas, usaha memantapkan latihan penyediaan kaunselor perlu dilakukan. Kegagalan untuk menyediakan satu bentuk latihan yang standard boleh mengagalkan usaha melahirkan bakal-bakal kaunselor yang profesional. Di Malaysia, belum terdapat satu latihan kaunseling yang standard. Setiap instisusi yang menyediakan latihan kaunseling mempunyai kaedah atau model yang tersendiri.

Faktor-Faktor Keperluan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Dalam Seting Pendidikan

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling memberikan pelbagai faedah kepada ahli-ahli masyarakat terutama warga pendidikan. Perkhidmatan ini diwujudkan sebagai satu usaha manusia untuk meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan manusia. Malaysia, sebuah negara yang mengalami kepesatan pembangunan telah menyaksikan kemunculan gejala psikologi sosial yang pelbagai dan kompleks yang mengganggu kebajikan manusia. Abdul Halim Othman (1999) menjelaskan perkhidmatan kaunseling adalah sejenis usaha untuk menangani gejala di atas. Atas dasar ini juga, sudah tiba masanya perkhidmatan kaunseling diteliti dengan teratur supaya menjadikan satu profesion untuk membantu ahli masyarakat.

Isu-isu dalam perkhidmatan kaunseling (seting pendidikan di Malaysia)

-Seting sekolah

Perkhidmatan Bimbingan dan kaunseling terutama di seting sekolah banyak menghadapi permasalahan. Kajian-kajian Roslan Said (1978), Mohd Hisa Tahat (1980), Suradi Salim (1992), Sapora Sipon (1998) jelas menunjukkan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling masih

berada di tahap yang belum begitu membanggakan. Contohnya, kajian Awang Mat Ali (1978) mendapati bahawa ramai lagi pelajar yang masih tidak tahu apakah peranan kaunseling sebenar dan mereka menganggap perkhidmatan tersebut tidak berfaedah atau tidak memberikan sebarang menafaat. Menon (1983) pula mendapati pengimplematasi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menghadapi pelbagai rintangan, bermula dari masalah kekurangan tenaga terlatih dalam bidng bimbingan dan kaunseling, masalah kekurangan kemudahan asas, kekurangan peruntukkan kewangan dan kekurangan masa sehinggalah kepada ketiadaan sambutan baik daripada pelajar sendiri.

-Jangkaan dan harapan terhadap kaunselor.

Salah satu sebab mengapa timbulnya konflik kepada kaunselor sekolah ialah kerana anggapan masyarakat umum yang mempunyai jangkaan/harapan yang terlalu tinggi terhadap kaunselor. Arbuckle (1962) menjelaskan kekeliruan terhadap perkhidmatan kaunseling boleh berlaku apabila terlalu banyak pihak yang ingin melibatkan diri dalam bidang ini.

-Masalah Kekurangan peruntukan

Perlaksanaan program B&K sekolah sering tergendala kerana sumber kewangan yang terhad. Kaunselor sering menghadapi masalah di mana banyak aktiviti-aktiviti yang tidak dapat dilaksanakan kerana masalah kewangan. Masalah lain yang timbul ialah kaunselor juga kadangkala terpaksa menggunakan wang sendiri untuk program-program yang dijalankan.

-Kekurangan kemudahan

Kekurangan kemudahan merupakan satu masalah yang sering dikaitkan dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Kajian Roslan Said (1978) yang dijalankan ke atas 10 buah sekolah di Wilayah Persekutuan mendapati ketiadaan bilik khas adalah diantara

masalah yang telah membantutkan pelaksanaan perkhidmatan kaunseling.

-Kekurangan sokongan

Mohd Hisa Tahat mendapati ramai guru-guru termasuk pengetua tidak dapat memahami konsep bimbingan dan kaunseling. Ini menyebabkan perkhidmatan B&K sekolah Cuma disebut sebagai ada tetapi pada hakikatnya tidak dijalankan dengan baik kerana pihak sekolah lebih melihat kepada prestasi di bidang akadmeik. Morazuki (1980) memberi pendapat yang serupa di mana beliau merumuskan bahawa perkhidmatan B&K sekolah dijalankan dengan tidak bersungguh-sungguh. Diantara sebab-sebab yang diberikan ialah tidak adanya hubungan baik antara pelajar, guru dan pentadbir sekolah. Guru-guru juga kurang yakin di atas kemampuan guru kaunseling kerana beliau bukan ada kemahiran yang khusus dalam bidang berkenaan.

-Sifat negatif kaunselor.

Terdapat kaunselor yang tidak gembira dengan tugasnya. Mereka menganggap bahawa mereka tiada pilihan lain kecuali menjadi kaunselor sekolah kerana dipilih oleh pihak Jabatan Pendidikan. Kaunselor yang merasa tidak gembira dengan tugas mereka berkemungkinan besar akan menggunakan berbagai alasan untuk tidak menjalankan aktiviti-aktiviti B&K.

Seting Institusi pengajian tinggi

Institusi pengajian tinggi terutamanya institusi pengajian tinggi awam merupakan seting pendidikan yang juga menawarkan perkhidmatan kaunseling. Sepertimana seting sekolah, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di institusi pengajian tinggi awam juga dibelenggu oleh pelbagai masalah. Mohd Zain

Abdul Kader (1994) menjelaskan dalam usaha menawarkan perkhidmatan kepada pelajar-pelajar yang menghadapi beraneka macam keresahan, unit-unit kaunseling tidak terlepas dengan berhadapan dengan isu dan permasalahan. Antara permasalahan yang dihadapi oleh unit kaunseling di institusi pengajian tinggi ialah kekurangan jumlah kaunselor terlatih, kekurangan kakitangan sokongan, kekurangan kemudahan dan kelengkapan, kekurangan peruntukkan kewangan dan juga penempatan pegawai yang tidak terlatih.

- Institusi latihan penyediaan kaunselor

Berbalik kepada latihan pendidikan kaunselor di Malaysia, ia menunjukkan masih belum terdapat satu latihan yang baku, latihan praktikum penyediaan kaunselor yang masih tidak seragam, perbezaan dari segi kurikulum pengajaran, tempoh masa pengajian, jenis. Seterusnya, dalam dapatan Kajian Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pendidikan Kaunselor, Lembaga Kaunselor, ia menunjukkan nama-nama ijazah kaunseling di IPTA tidak standard. Kemudahan latihan di IPTA masih di tahap yang belum memuaskan walaupun dapatan kajian tersebut mendapati, semua IPTA yang menyediakan program kaunseling ada menyediakan kemudahan asas yang meliputi bilik-bilik kuliah, makmal individu dan kelompok, kemudahan rujukan seperti faks, jurnal, video, CD-rom dan bahan-bahan *on-line*.

Laporan kajian tersebut mencadangkan agar kelpelbagaian yang terdapat dalam program-program pengajian bidang kaunseling di IPTA haruslah mendapat perhatian serius semua pihak (IPTA, Kementerian Pendidikan dan Lembaga Kaunselor) supaya pada matlamat terakhirnya, satu piawai dapat ditetapkan bagi latihan kaunselor di negara ini. Diharapkan langkah-langkah tersebut diambil demi memastikan piawai tersebut dipatuhi supaya kaunselor profesional dapat dilahirkan oleh IPTA.

Visi Dan Halatuju Penyelidikan Dalam Kaunseling (Seting Pendidikan) Di Malaysia

Dalam memastikan penyelidikan dalam kaunseling dalam seting pendidikan berjalan mengikut halatuju yang terarah, beberapa langkah perlu diambil.

-Penyelidikan dalam bidang kaunseling sepatutnya direkabentuk untuk mencari jalan membantu klien mencegah atau mempelajari jalan untuk menangani masalah.

-Kriteria penyelidikan yang bersifat hasil **outcome** perlu direkabentuk berdasarkan perubahan tingkahlaku yang diinginkan oleh klien dan kaunselor terlibat. Melaksanakan kajian yang bersifat hasil membolehkan kaunselor menggunakan penilaian diri dan perkembangan profesional. Tambahan pula, dapatannya boleh menghasilkan maklumat yang berguna yang boleh disediakan kepada klien, pihak pentadbir, pembuat undang-undang, ibu bapa dan masyarakat sekeliling.

-Meningkatkan kualiti penyelidikan dalam psikologi dan kaunseling di semua IPTA yang menawarkan Program Psikologi dan Kaunseling. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan kepakaran dalam menjalankan kajian dalam pelbagai lapangan kehidupan dalam konteks budaya tempatan bagi memenuhi keperluan dan permintaan sektor awam dan swasta.

-Meningkatkan kualiti penyelidikan di semua IPTA yang menawarkan program Psikologi dan Kaunseling dengan menubuhkan Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kaunseling.

-Membangunkan penyelidikan dalam psikologi dan Kaunseling di setiap IPTA yang menawarkan program dalam bidang berkenaan dengan berteraskan kepada kekuatan dan pengkhususan dalam bidang masing-masing, seterusnya mewujudkan kerjasama melalui sistem rangkaian ICT sesama universiti.

Berdasarkan perkara di atas, dicadangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan bidang penyelidikan ini akan turut dibangunkan bersama oleh IPTA seperti;

-Pembinaan alat-alat penyelidikan yang sensitif kepada aspek silang/pelbagai budaya berdasarkan hasil penyelidikan yang diperolehi, modul-modul yang bersesuaian akan dibangunkan untuk tujuan perkembangan, pencegahan dan pemulihan.

-membina model-model tertentu dalam bidang Psikologi dan Kaunseling (contoh intervensi) dan dipatenkan.

-menjalankan perkongsian bersama melalui perbincangan dan pembentangan dalam seminar atau penulisan dalam jurnal.

-Oleh itu dalam konteks masyarakat Malaysia yang semakin pesat berkembang ini, seiring juga dengan kemajuan pesat teknologi maklumat hari ini dan hari akan datang, maka fakulti yang terlibat dalam menawarkan Program Psikologi dan Kaunseling harus proaktif untuk membangunkan Pusat penyelidikan dalam Psikologi dan Kaunseling untuk kegunaan dalam setiap bidang kehidupan manusia.

Urutan dari itu, sebuah badan khas seharusnya ditubuhkan melalui kerjasama IPTA tempatan bagi memulakan tugas untuk membangunkan

bidang ini secara usaha sama. Badan tersebut seterusnya perlu mula memikirkan untuk menubuhkan Pusat Penyelidikan dalam Psikologi dan Kaunseling utama di negara ini yang mantap seperti universiti-universiti luar negara yang telah maju dan seterusnya dapat menjana kewangannya sendiri.

-Pusat ini mampu menawarkan kursus-kursus profesional dalam bidang penyelidikan bagi melahirkan para kaunselor dan ahli Psikologi yang berkualiti terutamanya untuk memenuhi keperluan dan permintaan daripada sektor awam ataupun sektor swasta.

-Pusat ini juga berupaya menjadi pusat penyelidikan dan dapat menghasilkan alat-alat penyelidikan dalam pelbagai lapangan kehidupan yang sesuai digunakan dalam konteks budaya tempatan.

-Pusat ini dapat berpotensi untuk beroperasi sebagai Pusat Sumber dan Pusat Perundingan pelbagai pihak khususnya agensi kerajaan dan awam dalam bidang penyelidikan dan kaunseling.

-Penubuhan pusat ini dipercayai akan dapat memberi sokongan terutamanya kajian-kajian bersama yang melibatkan sarjana luar dalam pelbagai aspek penyelidikan dengan memberi tumpuan kepada aspek silang budaya.

-Meningkatkan kewibawaan melalui latihan dan penyelidikan untuk menghasilkan ilmu/dapatan baru, teori dan maklumat terkini serta global dalam bidang penyelidikan dalam psikologi dan Kaunseling

-Meramaikan lagi pakar-pakar penyelidik tempatan dalam bidang pengujian dan penilaian dalam Psikologi dan Kaunseling.

-Meningkatkan penyelidikan kolaboratif dengan pakar luar.

-Mengenalpasti sebuah fakulti di salah sebuah IPTA yang telah mantap dalam Program Psikologi dan Kaunseing sebagai Pusat penyelidikan dalam Psikologi dan Kaunseling utama negara.

-Memperkenal dan mengembangkan penggunaan hasil penyelidikan serta ujian Psikologi dan Kaunseling untuk digunakan dengan lebih meluas bagi pelbagai tujuan di setiap jabatan, agensi atau swasta di Malaysia khususnya melalui seminar-seminar dan kursus-kursus profesional jangka pendek.

Visi dan Halatuju perkhidmatan dalam kaunseling (seting pendidikan) di Malaysia

Dalam memastikan halatuju perkhidmatan dalam kaunseling di seting pendidikan berjalan mengikut halatuju yang terarah, beberapa langkah perlu diambil.

Latihan pendidikan kaunselor

-Memberi ijazah yang seragam.

-Ijazah-ijazah lanjutan (Sarjana, PhD) dicadangkan memberi tumpuan kepada pengkhususan dalam bidang-bidang tertentu dalam kaunseling seperti keluarga dan perkahwinan, pemulihan, pendidikan tinggi. Calon-calon ijazah perlu mendalami bidang-bidang melalui kursus, praktikum dan penyelidikan.

-Tenaga pelajar di institusi pendidikan kaunselor yang terlibat perlu dipertingkatkan dari aspek-aspek pengetahuan, praktikum (intership), penyelidikan-penyelidikan melalui ijazah lanjutan.

- Kemudahan-kemudahan latihan pendidikan kaunselor perlu dipertingkatkan dalam memastikan calon-calon mendapat pendidikan, memperolehi pendedahan kepada amali dalam kaunseling.
- Praktikum dilihat sebagai satu unsur penting dalam latihan pendidikan kaunselor. Perkara-perkara seperti pengisian kursus praktikum, seting praktikum, penyeliaan praktikum dan penilaian praktikum perlu diperkembangkan.
- Program-program pendidikan kaunseling perlu sentiasa terbuka untuk proses penilaian oleh pakar-pakar dari masa ke semasa.
- Latihan penyediaan kaunselor sepatutnya dirangka dengan baik supaya dapat memenuhi objektif yang telah ditetapkan berdasarkan falsafah Pendidikan Negara yang boleh menggambarkan tahap professionalisme kaunselor sekolah yang tinggi.
- Kurikulum pendidikan kaunselor perlulah sepunya antara institusi yang melatih bakal-bakal kaunselor.
- Perlunya ada peluang-peluang untuk pendidikan berterusan untuk kaunselor mempraktis kemahiran dan menambahkan ilmu.
- Kemasukkan bakal pelatih kaunselor mestilah berdasarkan bukti-bukti bahawa calon tersebut mempunyai minat, kebolehan dalam kaunseling.
- Sepanjang program penyediaan kaunselor, kemajuan calon perlu sentiasa dipantau.
- Tenaga pengajar perlu mempunyai pengalaman dalam menjalankan praktikum. Mereka perlu mempunyai masa yang mencukupi dalam melaksanakan tanggungjawab profession mereka. Ini termasuk mempunyai masa yang mencukupi untuk penyeliaan yang teliti bagi penilaian setiap calon.

-Latihan praktikum perlu dilakukan di mana terdapatnya penyelia lapangan yang terlatih.

Perkhidmatan kaunseling di institusi pengajian tinggi awam

-Peruntukan yang wajar disediakan

-kemudahan dan kelengkapan yang diperlukan untuk menjamin produktiviti dan kualiti perkhidmatan

-bilangan kaunselor yang diperlukan selaras dengan pertambahan bilangan pelajar.

-pengiktirafan perkhidmatan kaunseling sebagai satu perkhidmatan profesional

-penambahan jawatan kaunselor yang selaras dengan bilangan pelajar dan bidang tugas yang ditetapkan.

-skema gaji yang ditawarkan kepada kaunselor juga perlu dikaji semula.

Seting sekolah

-Kaunselor mengadakan hubungan yang lebih erat dengan ibu bapa atau penjaga pelajar dengan tujuan untuk bekerjasama dan berbincang mengenai perkembangan dan kemajuan para pelajar

-Menerangkan program B&K sekolah kepada ibu bapa dan penjaga serta membiasakan mereka dengan khidmat bimbingan yang sekolah.

-Melibatkan ibu bapa dan penjaga dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kakitangan program bimbingan di sekolah.

-Bekerjasama dengan semua ahli kakitangan akademik sekolah dengan menyediakan maklumat tertentu untuk penerangan dan rujukan seperti mengadakan perbincangan yang boleh membantu guru-guru supaya lebih memahami lagi sikap dan sifat-sifat individu para pelajar.

-Bekerjasama dengan pihak pentadbir dan guru untuk mendapatkan cara-cara yang baik supaya para pelajar diberi perhatian dalam pembelajaran.

-Menggunakan kaedah-kaedah teknologi moden untuk menyebarkan maklumat -maklumat pelajaran dan kerjaya

-Membantu para pelajar merancang program latihan pelajar dan kerjaya selaras dengan kehendak sekolah.

-Sentiasa berusaha menambah kecekapannya dan sentiasa menyedari pembaharuan yang berlaku sama ada di dalam atau di luar sekolah.

-Sentiasa berusaha memajukan profesion kaunseling dengan membuat atau membantu penyelidikan yang berkaitan dan mengambil bahagian dalam aktiviti anjuran-anjuran Persatuan Kaunseling, sama ada di peringkat daerah, negeri atau kebangsaan.

-Berbincang dengan rakan-rakan sekerja yang lain seperti pengetua, penolong kanan dan guru-guru mengenai langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengukuh dan meningkatkan lagi taraf dan syarat profesion kaunseling.

-Berusaha meninggikan imej kaunselor dan pakar-pakar rujuk yang lain apabila berhubung dengan para pelajar, ibu bapa dan masyarakat.

-Memberi perkhidmatan kaunseling individu dan kaunseling kelompok sekerap yang mungkin

-Menyediakan kotak-kotak cadangan dan kotak borang perkhidmatan kaunseling di luar bilik unit bimbingan dan kaunseling.

Rumusan.

Penyelidikan dan perkhidmatan kaunseling di seting pendidikan di Malaysia perlu mempunyai visi dan halatuju yang jelas dan terarah dalam mencapai mutu penyelidikan dan perkhidmatan kaunseling yang mantap. Kemantapan penyelidikan dan perkhidmatan kaunseling akan berupaya meningkatkan mutu kecemerlangan pendidikan selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN), Rukun Negara dan Wawasan 2020. Bidang penyelidikan dan perkhidmatan kaunseling di seting penyelidikan masih baru di negara ini. Oleh itu, pelbagai permasalahan wujud walaupun usaha yang giat dilakukan dalam memastikan kejayaan perkhidmatan kaunseling. Dalam memastikan visi dan halatuju penyelidikan dan perkhidmatan kaunseling berjalan dengan lancar, kesemua pihak yang terlibat perlu memainkan peranan masing-masing dan memberi sokongan yang padu dan jitu. Usaha ini amat perlu dalam memastikan bidang penyelidikan dan perkhidmatan kaunseling di seting pendidikan di negara ini dapat berdiri gagah jika dibandingkan dengan disiplin-disiplin ilmu yang lain. Sesungguhnya, sekiranya bidang ini ingin dihormati, ia perlu membuktikan kecemerlangan dan kewibawaannya. Ianya bukan sesuatu yang tidak boleh dilaksanakan. Oleh itu, sama-sama kita berusaha dalam memastikan halatuju penyelidikan

dan perkhidmatan kaunseling di seting pendidikan berjalan mengikut arah yang diinginkan. Semoga kita sama-sama berusaha ke arah itu.

Rujukan.

- Abdul Halim Othman (1999). Kaunseling untuk kesejahteraan insan. Satu pengalaman di Malaysia. Pidato Inaugural Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu. Sabah.
- Abdul Halim Othman (2000). *Kaunseling dalam Pendidikan Menengah (kumpulan esei)*. Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu
- Ahmad Shakir Hj. Othman .(1975). Guidance and Counselling in the west malaysians Educational system: Organization and Teacher Attitude. (latihan ilmiah Sarjana yang tidak diterbitkan Keele: University of Keele).
- Aminah Haji Hashim (1987). Bimbingan dan Kaunseling dalam Pendidikan Menengah. *Jurnal PERKAMA*. Bil (1).
- Arapan Kolenthai (1988). Penilaian Perkhidmatan dan Kaunseling Di sekolah Menengah. Satu kajian kes. (Laporan Praktikum tidak diterbitkan yang dikemukakan kepada Universiti Malaya.)
- Awang Mat Ali. (1978). Sikap Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia Terhadap Peranan pusat Runding Cara Pelajar (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Laporan Kajian Pendidikan dan Latihan Kaunselor Institusi Pendidikan Tinggi Awam Malaysia (2000). Lembaga Kaunselor
- Leong Kwai Ying (1985). Sikap Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kausneling di Sekolah. Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamidah Husin (1988). Masalah pelajar-pelajar Melayu di sebuah institusi pengajian tinggi: satu perbandingan antara pelajar tahun pertama dengan pelajar tahun kepujian. Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Kebnagsaan Malaysia.
- T. Subahan Mohd Meerah, Jamil Ahmad dan Ahmad Zaidi Haji Johari (2000). Pemupukan Budaya Penyelidikan Di Kalangan Guru. Kepimpinan Profesional dan Akademik dalam Pendidikan Guru Alaf Baru. Prosiding Seminar JPPG. Universit Malaysia Sabah: Kota Kinabalu
- Maznah Ismail dan Kim Phaik Lik (1984). Satu tinjauan mengenai alat-alat ujian/pengukuran dalam kaunseling. *Jurnal PERKAMA*. Bil (1). 1984.

- Mcleod, J (1994). The research agenda for counseling. *Journal of Mental Health Counselling*. 5(1).
- Mohd Hisa Tahat (1980). Perkhidmatan Kaunseling dan status kaunselor (Kertas Projek Diploma Kaunseling Universiti kebangsaan Malaysia)
- Mohd Zain Abdul Kader (1994). Perkhidmatan Kaunseling di institusi pengajian tinggi: Isu dan masalah. *Jurnal PERKAMA*. Bil 5. 129-148.
- Morazuki Hashim (1980). Menilai keperluan dalam perkhidmatan Bimbingan Dan memilih Prioritinya. Kajian Kes Di Sebuah Sekolah Menengah di Utara Kedah (Projek Diploma Kaunseling tidak diterbitkan. Jabatan psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Muhd Mansur Abdullah.(1983). A Proposal For A Counseling and guidance Programs At Edgewood High school. (tesis ijazah sarjana yang tidak diterbitkan, Bloomington, Indiana university).
- Muhd Mansur Abdullah (1994). Penilaian Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan di sekolah-sekolah menengah menggunakan model C.I.P.P. *Jurnal PERKAMA*. Bil. 5. 1-41.
- Noriza Hussain (1987). Persepsi pelajar terhadap Peranan Kaunselor dan perkhidmatan Kaunseling Yang Dianggap Berkesan Untuk Menyelesaikan Masalah Remaja (latihan ilmiah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pederson, P. (1984). Final report by External to the Vice-Chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahmat Jusoh .(1983). Persepsi Kaum Remaja terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di Selangor: Kajian Menggunakan Teknik Repertory Grid.(Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, bangi: Universiti Kebangsaan malaysia
- Roslan Said (1977). Rancangan Bimbingan Kerjaya. Interaksi Diantara Peringkat Kementerian Pelajaran dan Peringkat Sekolah-sekolah. (Tesis sarjana Muda sastera, Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Rohaty Mohd Majzub (1992). Masalah Kanak-kanak dan remaja cemerlang dan implikasinya untuk kaunseling dan pendidikan. *Jurnal PERKAMA*. Bil 3&4.

Sapora Sipon dan Chua Bee Seok (1998). Masalah-masalah Pelajar Universiti Malaysia Sabah. Laporan akhir kajian penyelidikan.

Sapora Sipon (1998). Isu dan masalah kaunselor (tidak terlatih). Satu tinjauan awal di beberapa buah sekolah di daerah Kota Kinabalu. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pendidikan. Batu Pahat. Johor. 25hb. Oktober.

Sapora Sipon (1999). School counseling and counselor education in Malaysia. Paper presented at the Minnesota International Counselling Institute. 12-19 August.

Sapora Sipon (2000). *Peranan Kaunselor Sekolah Dan Masalah Keruntuhan Moral Pelajar. Pemimpin Berciri Kaunselor Menangani Kegawatan Sosial*. Kuala Lumpur: Yayasan Nurul Yaqeen.

Sapora Sipon & Ahmad Rozelan Yunus (2002). Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kuanseling Sekolah. Prosiding Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan 2002. anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru dan Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Stufflebeam (1971). The use of Experiemnatl Design in Educational Evaluation. *Journal of Educational Measurement*, 8, 267-274.

Siti Norhayati Harun(1984). Sikap Pelajar Terhadap Perkhidmatan Kuanseling. Satu kajian kes di sebuah institusi Pengajian Tinggi. (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti kebangsaan Malaysia).

Suradi Salim (1992). Masalah Perlaksanaan Perkhidmatan Kaunseling di Sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal PERKAMA*, Bil 3&4, 100-119.

Suradi Salim (1994). Tahap perlaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal PERKAMA*. Bilangan 5. 1-41.

Menon, D (1983). Problem of guidance teachers in implementing the guidance programme in secondary schools in the Federal Territory. Tesis Sarjana Pendidikan Universiti Kebnagsaan Malaysia (tidak diterbitkan).

New Straits Times (1998). June 8th.

- Walker, R. (1985). *An introduction to qualitative research methods. The search for meanings*. New York: Wiley.
- Wan Abdul Kader Wan Ahmad (1994). *Kaunseling Kelompok Pengurangan Kebimbangan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin (1993). Prosiding Seminar penyelidikan pendidikan. 13-15 Disember.
- Watkins, C.E. & Schneider, C.J. (1991). *Research in Counselling*. Hillsdale. N.J. Erlbaum.
- Zainah Ahmad Zamani & Yuen Mee Yoke (1994). Kesan Jantina dan Etnik Kaunselor dan pelajar Ke atas Proses pemilihan Kaunselor. *Jurnal PERKAMA*. Bil (5).
- Zulkifli Ismail (1983). Peranan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Muar, Johor. (Projek Diploma Kaunseling yang tidak diterbitkan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Zulkifli Yusuf (1990). *Panduan Khidmat Bimbingan*: Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.